

Headline	Tawaran istimewa bermanfaat		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	19 Mar 2019	Color	Full Color
Section	Letters	Circulation	112,050
Page No	19	Readership	336,150
Language	Malay	ArticleSize	500 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 9,882
Frequency	Daily	PR Value	RM 29,646



KERAJAAN perlu bertindak segera bagi meredakan 'kemarahan' pemilik awal rumah Prima. - GAMBAR HIASAN/UTUSAN

MAKLUM BALAS

Tawaran istimewa bermanfaat

SAUDARA PENGARANG,

MERUJUK kepada maklum balas dan permintaan daripada segelintir pemilik awal kediaman dibangunkan Perbadanan Prima Malaysia (Prima) untuk diberi pampasan susulan daripada diskaun yang ditawarkan oleh Kempen Pemilikan Rumah (HOC) 2019.

Pihak kami telah berjumpa dengan wakil-wakil pemilik awal dan memberi penerangan mengenai tujuan kempen ini. Di sini ingin kami menjelaskan lagi.

HOC yang dianjurkan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan serta Persatuan Pemaju Hartanah dan Perumahan Malaysia (Rehda) adalah inisiatif Kementerian Kewangan.

Ia bertujuan untuk, pertama, merencanakan lagi pasaran perumahan tempatan; kedua, meningkatkan pemilikan rumah dalam kalangan rakyat dan ketiga, menangani masalah hartanah yang tidak terjual.

Kempen ini khususnya bertujuan untuk membantu rakyat, terutama sekali bagi golongan yang masih menghadapi cabaran untuk membeli rumah.

Walaupun terdapat implikasi kos, PrIMA seperti pemaju-pemaju hartanah lain yang turut mengambil bahagian, terus memberikan kerjasama dalam kempen yang

terkejut rumah dijual terlalu murah

SAUDARA PENGARANG,

JANGAN terkejut jika saya katakan ada rumah di Malaysia yang ditawarkan pada sekecil persembakan adalah lebih mahal berbanding unit-unit yang dijual dengan harga RM27,000 seunit yang saya beli dengan harga RM30,000 seunit lagi.

Rumahnya telah dijual pada harga RM27,000 seunit dengan harga RM30,000 seunit. Persembakannya hanyalah rumah yang dijual murah.

Ini tidak memaparkan gambaran dalam tempoh dua tahun.

Apabila ditanya pampasan yang ditawarkan kepada pembeli PrIMA Tapak di Rehda, jawapannya adalah yang diberikan itu adalah 'se arahan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan yang mahu semua rumah boleh dicampurai'.

Caranya adalah dengan menjual pada harga terendah.

Adalah itu adalah satu langkah yang

membolehkan dengan harga rendah. Sedangkan kami telah membeli rumah yang lebih mahal lagi tetapi dapat membeli rumah tersebut kerana terkejut pada harga yang sangat murah.

Clash itu, saya berharap kerajaan dapat memberi rebat tunai kepada pembeli awal yang terpaksa membayar dengan harga mahal sedangkan harga sebenar kediaman itu adalah lebih murah.

Saya juga berharap Perbadanan Prima Malaysia meredakan kemarahan mengenai rumah yang dijual dalam tempoh dua tahun sehingga terlahi perjanjian jual beli.

Yang hebat malah terbahari boleh kami gunakan untuk menyewa rumah yang lebih dekat dengan tempat kerja. Bagi saya apabila membeli rumah terbahari oleh kerajaan selepas itu, baik dengan beli dibayar.

Tawaran harga yang baru ini, bukan sekadar itu, malah ia adalah hakikatnya di bawah pemerintahan kerajaan Malaysia Sabar yang segala-galanya mahu ditubuhkan secara bertahap.

AKAK TERKIPU
Ruhani

KERATAN Utusan Malaysia 13 Mac 2019.

berlangsung selama enam bulan ini untuk menyokong usaha kerajaan dalam membantu rakyat membeli rumah sendiri di samping memastikan pembangunan komuniti yang mampan bagi kesemua rakyat Malaysia.

Diskaun-diskaun yang ditawarkan adalah langkah rangsangan yang hanya boleh didapati dalam jangka masa terhad dan tertakluk kepada terma dan syarat tertentu.

Tambahan lagi, tawaran istimewa yang terhad ini bukan sahaja akan memberi manfaat kepada bakal pembeli

rumah tetapi juga kepada komuniti secara menyeluruh, dengan memastikan unit-unit yang masih kosong setakat ini dapat dibeli.

Hasilnya, kadar penghunian akan meningkat, sekali gus meningkatkan nilai pembangunan bagi kesemua pembeli rumah dalam jangka masa panjang.

Penyertaan PrIMA, agensi-agensinya perumahan kerajaan yang lain dan pemaju-pemaju hartanah swasta di dalam kempen HOC adalah penting.

Masih ramai lagi rakyat yang tidak berkemampuan untuk membeli rumah, termasuklah kediaman-kediaman PrIMA walaupun harga kediaman itu lebih rendah daripada harga pasaran.

Inisiatif HOC ini adalah untuk memberi peluang kepada mereka yang masih menghadapi cabaran dan kurang kemampuan untuk membeli rumah.

Walaupun harga telah dikurangkan, tidak bermakna mereka dapat membeli kediaman-kediaman tersebut. Pinjaman bank harus diluluskan dahulu.

PrIMA komited dalam memenuhi mandat kerajaan untuk menyediakan lebih banyak kediaman berkualiti dengan harga berpatutan untuk rakyat Malaysia terutama golongan pertengahan (M40).

PRIMA
Selangor